



04 AUG, 2022

## Dua ekor ayam harga seekor, licin 30 minit

Kosmo, Malaysia

Page 1 of 2

# Dua ekor ayam harga seekor, licin 30 minit

**KOTA TINGGI** – Tidak sampai setengah jam sebanyak 300 ekor ayam habis dijual selepas diserbu masyarakat di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Penawar di sini sempena Program Jualan Terus dari Ladang (JTDL) Keluarga Malaysia, semalam.

Keadaan hujan tidak menghalang orang ramai untuk mendapatkan barang asas pada harga yang murah melalui program yang berlangsung di Peladang Outlet Bandar Penawar itu.

Pengunjung berpeluang mendapat subsidi sebanyak RM5 bagi setiap pembelian ayam selain dapat menikmati penurunan harga telur dari RM13 kepada RM10 sekotak juga tawaran minyak peket pada harga RM2.50.

Bagi seorang pengunjung, Rosyati Hashim, 57, dari Felda Sungai Mas berkata, dia dapat membeli dua ekor ayam pada harga seekor ayam.

Katanya selain itu dia amat gembira kerana bekalan minyak peket amat mudah diper-

olehi melalui program itu.

"Memang dapat jimat banyak. Dalam keadaan sekarang dengan harga barangan yang naik mendadak, bila dianjurkan program seperti ini memang amat melegakan.

"Minyak masak peket di mana-mana pun sekarang susah hendak dapat tapi di sini banyak.

"Kami harap program seperti ini diadakan dengan lebih kerap kerana ia benar-benar dapat meringankan beban rakyat dengan harga ditawarkan," katanya semalam.

Terdahulu program anjuran bersama Pejabat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Penawar, Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Pengerang dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Kota Tinggi itu dirasmikan ADUN Penawar, Fauziah Misri.

Fauziah berkata, beliau amat terharu kerana orang ramai telah mula menunggu dua jam lebih awal dari masa program bermula dalam keadaan hujan lebat.



**FAUZIAH (kanan) melancarkan Program JTDL Keluarga Malaysia di Peladang Outlet Bandar Penawar, Kota Tinggi semalam.**



04 AUG, 2022

## Dua ekor ayam harga seekor, licin 30 minit

Kosmo, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

KOTA TINGGI - Tidak sampai setengah jam sebanyak 300 ekor ayam habis dijual selepas diserbu masyarakat di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Penawar di sini sempena Program Jualan Terus dari Ladang (JTDL) Keluarga Malaysia, semalam. Keadaan hujan tidak menghalang orang ramai untuk mendapatkan barang asas pada harga yang murah melalui program yang berlangsung di Peladang Outlet Bandar Penawar itu.